

BAB 4
ERA PERALIHAN KUASA BRITISH DI NEGARA KITA

BAHAGIAN A - SOALAN OBJEKTIF

1. Senarai berikut berkaitan dengan pentadbiran X yang diperkenalkan oleh British setelah Tentera Jepun menyerah kalah.

Pentadbiran X
- Mengembalikan kestabilan dan keamanan - Memulihkan kepercayaan rakyat

Apakah pentadbiran X?

- A. Malayan Union
B. Persekutuan Tanah Melayu
C. Malayan Democratic Union
D. British Military Administration
2. Semasa pentadbiran Malayan Union, Tanah Melayu berubah taraf menjadi
- A. Tanah Bebas
B. Tanah Jajahan
C. Negeri Lindungan
D. Negeri Naungan
3. Rajah 1 menunjukkan struktur pentadbiran Malayan Union.



Rajah 1

Apakah X?

- A. Majlis Penasihat
B. Majlis Eksekutif
C. Majlis Tertinggi
D. Majlis Pusat
4. Pentadbiran Malayan Union telah mengubah status Tanah Melayu daripada negeri naungan kepada Tanah Jajahan Mahkota. Apakah ciri pentadbiran Malayan Union?
- I. Diketuai oleh Gabenor British
II. Sultan menjadi ahli Majlis Raja-Raja
III. Syarat kerakyatan diperketatkan
IV. Singapura disatukan menjadi satu unit pentadbiran

- A. I dan II
B. I dan IV
C. II dan III
D. III dan IV

5. Pembentukan Malayan Union pada tahun 1946 menimbulkan rasa tidak puas hati oleh orang Melayu.

Bagaimanakah orang Melayu menentang penubuhan tersebut?

- I. Mendapatkan sokongan negara luar
II. Menubuhkan gerakan bersenjata
III. Menghidupkan persatuan Melayu
IV. Mengadakan Kongres Melayu

- A. I dan II
B. I dan IV
C. II dan III
D. III dan IV

6. Senarai berikut menunjukkan tokoh wanita yang telah berjasa kepada negara.

Apakah sumbangan tokoh tersebut?

- Datin Puteh Mariah
- Halimahton Abdul Majid
- Cikgu Zaharah Abdullah

- A. Menentang Malayan Union
B. Mengadakan Konferensi Nasional
C. Menyertai Kongres Melayu
D. Menubuhkan UMNO

7. Maklumat berikut berkaitan faktor penyerahan Sarawak kepada pihak British.

- Desakan kerajaan British
- Masalah pewarisan takhta
- X

Apakah X?

- A. Pertikaian politik
B. Masalah kewangan
C. Kemakmuran ekonomi
D. Serangan tentera Jepun


8. Maklumat berikut berkaitan dengan penyerahan Sarawak kepada Kerajaan British.

Charles Vyner Brooke menghantar Gerard T. MacBryan dapatkan tandatangan daripada ketua tempatan

Apakah cara yang digunakan oleh Gerard T. MacBryan?

- Tawaran ganjaran
- Tipu muslihat
- Rundingan
- Perjanjian keselamatan

9. Rajah berikut menunjukkan faktor yang menimbulkan penentangan penyerahan Sarawak



Apakah X?

- Warisan budaya terhakis
- Desakan pelabur Eropah
- Syarat kerakyatan liberal
- Bertentangan Perlembagaan 1941

10. Pemimpin-pemimpin berikut telah dihukum gantung oleh British kerana terlibat dalam pembunuhan Gabenor Sarawak kedua di Sibul.

- Rosli Dhoby
- Morshidi Sidek
- Awan Rambli

Apakah iktibar yang boleh diambil daripada peristiwa tersebut?

- Sanggup berkorban untuk negara
- Perlu berhati-hati ketika berjuang
- Hendaklah berbakti kepada negara
- Mesti bertolak ansur dengan penjajah

11. Mengapakah kerajaan British ingin menguasai Sabah?

- Memenuhi kepentingan British
 - Desakan Kerajaan British
 - Masalah Pewarisan Takhta
 - Masalah kewangan SBUB
- I dan II
 - I dan IV
 - II dan III
 - III dan IV

12. Maklumat berikut berkaitan dengan tidakan British di Sabah

Pemimpin	Tindakan
H.M Salleh	Ditawarkan bekerja dengan kerajaan
Pengiran Muhd Yusof	Dihantar berkursus ke SITC
Zakaria Gunn	Ditukarkan ke Jasselton

Mengapakah British bertindak sedemikian?

- Memperbaiki keadaan ekonomi
- Membangkitkan kesedaran politik
- Melumpuhkan gerakan nasionalisme
- Mengatasi masalah kewangan